

14 MAC 2018

Tokan dadah kena cekup

20

SENTRAL

HUBUNGI SKUAD SENTRAL. NUR FARHANA ABDUL MANAN- 019-6600275, HORAFIZA JAAFAR

Tokan dadah kena cekup

Polis rampas lebih 39 kilogram ganja bernilai RM70,600

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Polis memberkas seorang penganggur yang merupakan dalang pengedaran dadah di Lembah Klang pada 8 Mac lalu hasil risikan yang dibuat sejak sebulan lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Shahrudin Abdullah, berkata, penahanan lelaki 49 tahun itu membawa kepada penemuan lebih 39 kilogram ketulan dipercai ganja mampat yang disorokkan dalam rumahnya di Kampung Baru.



Lebih 39 kilogram ketulan ganja mampat bernilai RM70,600 dirampas hasil penahanan tokan dadah.

Menurutnya, ketika ditahan pada 3.45 petang, suspek yang menunggang motosikal sedang membawa 30 ketulan kecil ganja dalam bakul motosikal untuk diedarkan kepada penagih sekitar Lembah Klang.

"Anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat

Polis Daerah Dang Wangi kemudian membuat pemeriksaan di rumah suspek, sebelum menemui 38 ketulan ganja dengan setiap satunya seberat satu kilogram.

"Siasatan lanjut mendapati suspek aktif mengedar dadah sejak 1990 dan pernah ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Penjara Simpang

Renggam, Johor selama dua tahun pada 1999 mengikut Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya dan Langkah-Langkah Pencegahan Khas 1985.

"Suspek bergerak secara sendirian yang aktif membekalkan dadah kepada penagih di Lembah Klang," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata, kesemua ketulan ganja yang dirampas dianggarkan bernilai RM70,600 dipercayai untuk bekalan kepada 10,000 penagih sekitar Lembah Klang.

Ujarnya, ketulan ganja bersaiz kecil itu dijual pada harga RM50 seketul, manakala ketulan ganja seberat satu kilogram pula dijual pada harga antara RM1,400 hingga RM1,800 berdasarkan permintaan.

"Dengan tertangkapnya lelaki ini, kita berjaya menumpaskan salah satu rangkaian sindiket pengedaran dadah di ibu negara dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.